

ORDINAN MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2001
FATWA HUKUM WAKAF TUNAI, WAKAF BERTEMPOH, WAKAF SAHAM
DAN WAKAF ASET KEWANGAN

(Dibuat di bawah seksyen 37)

Pada menjalankan kuasa – kuasa yang diberikan kepada Majlis Islam Sarawak oleh seksyen 37 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 **[Bab 41]**, Majlis Islam Sarawak dengan persetujuan Yang di-Pertua Negeri, telah mengeluarkan fatwa berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Fatwa ini bolehlah dinamakan **Fatwa Hukum Wakaf Tunai, Wakaf Bertempoh, Wakaf Saham dan Wakaf Aset Kewangan** dan hendaklah berkuat kuasa pada 4 haribulan September 2023.

Hukum Wakaf Tunai, Wakaf Bertempoh, Wakaf Saham dan Wakaf Aset Kewangan

2. Hukum Wakaf Tunai, Wakaf Bertempoh, Wakaf Saham dan Wakaf Aset Kewangan adalah diharuskan.

Bertarikh pada 4hb September 2023.

DATU HAJI MISNU BIN HAJI TAHA

Yang Dipertua

Majlis Islam Sarawak

JABATAN MUFTI SARAWAK

Jenis-Jenis Wakaf Moden

Wakaf ialah amalan menyerahkan harta untuk digunakan bagi manfaat orang ramai, demi mendapatkan pahala berterusan. Selain tanah atau bangunan, kini terdapat pelbagai bentuk wakaf moden yang lebih fleksibel dan sesuai untuk semua lapisan masyarakat.

1. Wakaf Tunai

Wakaf tunai bermaksud memberi sumbangan dalam bentuk duit untuk tujuan kebajikan seperti pendidikan, kesihatan, atau pembinaan kemudahan awam. Duit itu biasanya dilabur secara patuh syariah, dan keuntungan digunakan untuk manfaat masyarakat.

Contoh:

Sumbangan RM100 disatukan dalam satu dana, dilabur dan hasil pelaburan digunakan setiap tahun untuk membantu pelajar.

2. Wakaf Bertempoh

Wakaf bertempoh ialah wakaf yang dibuat untuk jangka masa tertentu, bukan secara kekal. Setelah tempoh itu tamat, harta wakaf boleh dikembalikan kepada pemilik atau diurus semula.

Contoh:

Seseorang mewakafkan bangunan untuk dijadikan pusat pendidikan selama 10 tahun. Selepas itu, bangunan tersebut boleh digunakan semula oleh pemilik asal.

3. Wakaf Saham

JABATAN MUFTI SARAWAK

Wakaf saham bermaksud seseorang mewakafkan saham syarikat patuh syariah miliknya. Saham itu tidak dijual, tetapi dividen (keuntungan saham) digunakan untuk tujuan kebajikan.

Contoh:

Wakafkan 1,000 unit saham. Dividen tahunan disalurkan ke tabung kebajikan hospital.

4. Wakaf Aset Kewangan

Wakaf aset kewangan melibatkan wakaf dalam bentuk instrumen kewangan seperti:

Unit amanah Islam, Sukuk (bon patuh syariah) dan Simpanan tetap patuh syariah.


Dana ini dilabur dan hasil keuntungan digunakan untuk pembangunan masyarakat, pendidikan dan bantuan kepada golongan memerlukan.

Contoh:

Mewakafkan RM5,000 dari akaun unit amanah untuk dilabur dan hasilnya digunakan untuk bantuan pesakit.

Kesimpulan

Kebanyakan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh ulama'-ulama' kontemporari dan badan-badan fatwa membenarkan wakaf wang tunai, wakaf bertempoh dan juga wakaf dalam bentuk aset kewangan. Dengan keterbukaan pandangan fiqh tanpa mengabaikan dhawabit dan hukum-hakam yang berkaitan, wakaf dan aset wakaf dapat dikembangkan dengan lebih baik, dapat menarik orang ramai untuk menyumbang, seterusnya dapat menyumbang kepada pembangunan ummah di dalam aspek keagamaan, pendidikan, kebajikan, ekonomi dan sosial.



جَابِرُ مُفْتِي سَارَاوَك
JABATAN MUFTI SARAWAK